


Tel: 088-283283  
Fax: 088-239046  
E-mail: doasabah@sabah.gov.my  
Laman Web: www.sabah.gov.my/tani



**SABAH, MALAYSIA**



**Jabatan Pertanian Sabah**  
Kementerian Pertanian & Industri Makanan Sabah  
Aras 1, 5, 6 & 7, Wisma Pertanian Sabah  
Jalan Tasik, Luyang  
Off Jalan Maktab Gaya  
Beg Berkunci No. 2050  
88632 KOTA KINABALU

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: JPTN(IP):100-4/14/Klt.3/( )

Tarikh: 19 Mac 2013

Ketua-Ketua Penolong Pengarah Pertanian/Penyelidikan Ibu Pejabat  
Penolong-Penolong Pengarah Ibu Pejabat  
Pegawai-Pegawai Pertanian Kanan Ibu Pejabat  
Pegawai-Pegawai Pertanian Ibu Pejabat

**ARAHAN JABATAN (KEWANGAN) BIL. 3/2013**  
**PENYEDIAAN PENYATA GAJI HARI JBN 04 PEKERJA BERGAJI HARI**  
**DI IBU PEJABAT JABATAN PERTANIAN SABAH**

Dengan hormatnya perkara tersebut di atas dirujuk.

2. Seperti yang kita sedia maklum, ketika ini Penyata Gaji Hari JBN 04 untuk semua Pekerja Bergaji Hari (PRA) di Ibu Pejabat disediakan oleh kakitangan di Seksyen Kewangan. Penyata tersebut kemudiannya dihantar kepada Pegawai Penguasa Seksyen Perkhidmatan Am untuk diluluskan. Selepas itu dikembalikan kepada Seksyen Kewangan untuk penyediaan baucar pembayaran.

3. Amalan ini telah melambatkan proses pembayaran gaji kakitangan yang terlibat. Di samping itu penyediaan dan pengesahan serta kelulusan pembayaran sepatutnya dibuat oleh penyelia yang memantau kakitangan terlibat.

4. Bagi melicinkan pengurusan pembayaran gaji Pekerja Bergaji Hari di Ibu Pejabat, tanggungjawab menyedia, menyemak dan meluluskan Penyata JBN 04 diserahkan kepada lokasi di mana kakitangan bertugas dan "Check Roll" disediakan. Penyata Gaji Hari JBN 04 yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada Unit Gaji, Seksyen Kewangan pada hari bekerja terakhir bulan berkenaan atau hari bekerja pertama pada bulan berikutnya untuk proses pembayaran.

...2/-



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008 NO. SIJIL : KLR 6012182

Ruj: JPTN(IP)100-4/14/Klt.3/( )  
Tarikh: 19 Mac 2013  
Perkara: Arahan Jabatan (Kewangan) Bil. 3/2013  
Penyediaan Penyata Gaji Hari JBN 04 Pekerja Bergaji Hari  
Di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Sabah

-2-

5. Arahan ini berkuatkuasa dengan serta merta. Sekiranya terdapat sebarang kemusykilan mengenai Arahan ini, sila berhubung dengan Unit Gaji, Seksyen Kewangan untuk keterangan lanjut.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH'**

  
(DATUK M.C. ISMAIL SALAM)  
PENGARAH PERTANIAN

R 22/3/13

- s.k. Timbalan Pengarah Pertanian (Pengurusan)
- s.k. Timbalan Pengarah Pertanian (Pembangunan)
- s.k. Timbalan Pengarah Pertanian (Penyelidikan)
- s.k. Ketua Akauntan